

Semua perlu kerja keras

BH 1 JAN 1993

KUALA LUMPUR, Khamis — Segala cabaran pada 1993 dan tahun-tahun akan datang boleh ditangani jika semua pihak menjalankan tanggungjawab dan tugas dengan berkesan serta bersungguh-sungguh, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, negara sudah membuktikan kemampuannya menghadapi pelbagai cabaran dan oleh itu tidak ada sebab mengapa ia tidak boleh mengatasinya pada 1993.

"Rakyat hendaklah menanamkan nilai-nilai murni seperti rajin bekerja dan amanah, serta berpegang teguh kepada disiplin kerana disiplin tinggi adalah antara faktor penting yang dapat menjamin negara terus maju dan makmur.

"Saya yakin jika semua pihak menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka dengan berkesan dan berusaha bersungguh-sungguh, negara mampu menghadapi segala cabaran pada 1993 dan tahun-tahun akan datang," katanya.

Dalam perutusannya sempena tahun baru 1993 melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini, Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia mempunyai sumber-sumber yang mencukupi untuk menjadi sebuah negara maju, perubahan sikap dan disiplin juga sama penting untuk memastikan kejayaannya.

Beliau juga meminta rakyat terus memelihara perpaduan dan keharmonian kaum bagi mengekalkan kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan.

"Kewujudan perpaduan dan kerjasama erat di kalangan rakyat pelbagai kaum berjaya melahirkan sebuah negara yang terus stabil di segi politik, ekonomi dan sosial.

"Kestabilan ini jugalah membolehkan negara berjaya menarik pelaburan asing, salah satu faktor yang membantu pertumbuhan ekonomi yang tinggi," katanya.

Beliau berkata, kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat sejak lima tahun lalu, membolehkan negara terus menyediakan dan meningkatkan kemudahan bagi kesejahteraan rakyat.

"Jika dahulu ramai meramalkan Malaysia, dengan penduduk berbilang kaumnya dan keperluannya mengagihkan kekayaan antara kaum, akan mengalami kemerosotan dan ketidakstabilan, hari ini jelas semua ramalan itu tidak tepat.

"Sebaliknya, negara dapat membuktikan proses penyusunan semula masyarakat bukan sahaja tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi, tetapi juga membolehkan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang tinggi dalam suasana aman dan stabil.

"Kejayaan yang dicapai juga membuatkan banyak negara asing menganggap Malaysia sebagai contoh pembangunan dalam masyarakat majmuk dan demokratik," katanya.